

## Mendalami Seni Warisan Sulaman Keringkam Sarawak Menerusi Kaedah Sejarah Lisan

Rosmariana Abdullah Rosli  
Syeedelis Anak Sintau  
Wan Satirah Wan Mohd Saman  
Nurussobah Hussin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, PuncakPerdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### Abstrak

*Seni sulaman keringkam merujuk kepada sulaman yang menggunakan benang pita logam yang disalut emas dan perak serta disulam di atas permukaan yang kain khas yang lembut. Kehalusan motif dan penghasilan dalam seni sulaman keringkam amat memerlukan keasabaran dan ketelitian tahap tinggi Di Sarawak, seni sulaman ini sudah menjadi lambing buat wanita Melayu Sarawak. Sulaman keringkam mempunyai motif yang tersendiri. Motif yang paling popular ialah flora dan fauna yang telah disulam di permukaan kain yang khas. Sulaman keringkam ini juga boleh di jadikan sebagai hantaran ataupun hiasan seperti sarung kusyen, lapik meja ataupun sebagai hiasan kotak tisu. Sulaman keringkam digunakan sebagai selayah ataupun selendang untuk kaum wanita yang dipakai pada majlis – majlis tertentu dan boleh digayakan oleh pegantin perempuan. Pembuatan keringkam mempunyai Teknik yang tersendiri seperti suji bilang ataupun sulam balas.*

Kata kunci: Keringkam, motif, pakaian tradisional, Melayu Sarawak, seni sulaman

### Pengenalan

Sulaman keringkam merupakan sulaman yang menggunakan benang pita logam yang bersadur dengan emas dan perak. Penghasilan sulaman

keringkam yang estatik sangatlah memerlukan kesabaran tahap tinggi kerana pita logam keringkam sangat rapuh dan sensitif. Hasil sulaman keringkam terbahagi kepada dua iaitu selayah dan selendang. Selayah ialah sejenis tudung segi empat yang bersaiz pendek yang digunakan untuk menutup bahagian atas kepala sahaja manakala selendang merupakan kain yang bersaiz panjang yang digunakan untuk menutup keseluruhan kepala dan di bahagian belakang wanita.

Terdapat pelbagai jenis motif yang dihasilkan melalui sulaman keringkam ini antaranya, tampuk pedada, tampuk manggis, bunga mawar ataupun bunga ros mekar, ros kuncup, ros *melelat*, *pacar jepun*, tanjung, bintang, *palak lalat*, *lada tumpah*, susun bata dan motif bahagian tepi ataupun sisi kain tersebut ialah dia gunung, gunung berkaki, renda bergunting sisi tiga, gunung beranak dan renda jernih.

Tidak banyak bahan rujukan yang diterbitkan mengenai sulaman keringkam. Maksud keringkam haruslah di fahami dahulu, kemudian mengetahui maksud sebenar sulaman keringkam dan motif-motif sulaman keringkam. Oleh itu, pendekatan sejarah lisan di ambil untuk menambahkan lagi koleksi bahan bertulis tentang seni sulaman keringkam ini supaya mendapat perhatian dan sambutan oleh masyarakat di luar tertutama nya pelapis muda yang belum mengetahui tentang sulaman keringkam supaya sulaman keringkam ini tak lapuk ditinggal zaman.

## **Sejarah dan asal usul sulaman keringkam**

### **1.0 Asal usul sulaman keringkam**

Berdasarkan maklumat oleh Encik Amirul Shazlie Yusuf (2018) , di Sarawak, keringkam mulai di pakai pada zaman pemerintahan Rajah Putih iaitu Charles Brooke dan keringkam ini telah di pakai oleh isteri Rajah pada masa itu iaitu Ranee Margaret pada awal kurun ke-19. Seterusnya, Encik Amirul menyatakan bahawa permulaan sulaman keringkam ini bermula daripada pedagang asing daripada India. Pedagang dari India telah membawa keringkam, yang merujuk kepada benang yang di sadur dengan

emas atau perak dan telah mempersembahkan keringkam ini kepada pembesar. Penyulam tempatan menggunakan keringkam yang telah dibawa oleh pedagang dari India tersebut untuk membuat sulaman. Dari situlah pembesar dan golongan istana tertarik kepada keringkam tersebut kerana melihat keistimewaan dan keindahan keringkam tersebut apabila disulam dan menghasilkan motif yang cantik dan estetik dan terus menjadikan sulaman keringkam sebahagian daripada pakaian istana pada ketika itu.

Seterusnya, Encik Amirul menyatakan bahawa, negara jiran, iaitu Palembang juga mempunyai sulaman keringkam yang digelar sebagai mantor, mugawarah ataupun misbah. Menurut beliau, pada zaman dahulu di Palembang, mugawarah ataupun misbah ini hanya dipakai oleh wanita yang telah menunaikan haji untuk melambangkan status mereka. Jika di Sarawak pula, bapa beliau pernah menyatakan bahawa pada zaman dahulu, jika nenek atau moyang kita yang pergi mengerjakan haji yang dahulunya perjalanan mereka yang mengerjakan haji hanya menggunakan kapal kebiasaannya mereka akan membawa bekal alatan untuk menyulam keringkam seperti pimidang, kain dan keringkam itu sendiri. Dari situlah wujudnya keringkam dan ketika mereka pulang dari mengerjakan haji, mereka akan membawa sulaman keringkam itu dan memakainya sebaik sahaja mereka tiba di tanah air mereka sendiri. Dari situlah, wanita Sarawak mengenali tentang keringkam ini.

Berdasarkan Encik Amirul Shazlie yang merupakan lelaki pertama yang telah memecahkan dominasi wanita yang menyulam keringkam, beliau telah mengenali keringkam semenjak beliau kecil lagi. Ini kerana, apabila pada suatu hari terdapat seorang *collector* datang kerumahnya untuk membeli sehelai kain yang uzur yang merujuk kepada sulaman keringkam yang pada masa tersebut beliau tidak mengetahui itu adalah sulaman keringkam dan *collector* tersebut sanggup membeli kain yang beliau sangkakan uzur tersebut dengan harga yang tinggi. Dari situlah, beliau mula mengenali keringkam dan ibu beliau telah menerangkan kepada beliau tentang keringkam. Setelah itu, Encik Amirul telah mempelajari dan mengkaji sendiri tentang sulaman keringkam yang mulanya beliau banyak belajar daripada rakannya yang dikenali sebagai Puan Azyla yang banyak

mengetahui tentang keringkam dan juga beliau ada juga mempelajari tentang sulaman keringkam daripada adiguru sulaman keringkam.

Sekitar abad ke 19, keringkam hanya dipakai oleh golongan bangsawan dan kerabat di raja sahaja. Sulaman ini bermula di dalam istana dan diwarisi oleh golongan kerabat di raja pada ketika itu. Menurut Suhana Sarkawi dan Norhayati Ab.Rahman (2014), Rose Dahlina Rusli et.al (2016) dan Norhasliyana Hazlin et.al (2017) di Selangor, penyulam yang terkenal yang mewarisi sulaman kelingkan ialah YM Raja Akmal Raja Bahari. Sulaman keringkam yang pertam ialah selendang. Sejarah bermulanya sulaman keringkam ini ketika pedagang asing mengembara atau menjelajah di tanah Melayu dan membawa hasil dagangan mereka di Tanah Melayu.

## **2.0 Sebutan bahasa**

Di setiap negeri, mempunyai sebuannya tersendiri. Merujuk kepada Siti Zainon Ismail (2010), Suhana Sarkawi dan Norhayati Ab.Rahman (2014 dan 2016) negeri Sarawak menggunakan istilah atau menyebutnya sebagai keringkam. Manakala, Menurut Rose Dahlina Rusli, Norwani Hj.Nawawi dan Rafeah Legion (2015) dan Norhasliyana Hazlin, Hamdzun Haron dan Abdul Latif Samian (2017) negeri Terengganu menggunakan istilah teringkam atau terekam.

Di Kelantan dan Selangor menggunakan istilah kelingkan tetapi Kelantan juga dikenali dengan kelingkam dan kelengkan. Manakal di Palembang, sulaman keringkam digelar sebagai mantor, mugawarah ataupun misbah. Kesemua sebutan ini berbeza mengikut bahasa tetapi membawa maksud yang sama iaitu sulaman keringkam. (Suhana Sarkawi & Norhayati Ab.Rahman, 2016)

## **3.0 Peralatan sulaman keringkam**

### **3.1 Benang**

Benang atau bahasa saintifiknya dikenali sebagai keringkam merupakan, pita logam emas dan perak dari Laut China Selatan sejak abad

ke 10 lagi yang seiring dengan kedatangan pedagang yang berlabuh di pinggiran selatan Tanah Melayu dan Pulau Borneo menyebabkan penduduk tempatan mengenali benang emas yang disadur dengan emas dan perak tersebut. Pita logam yang disadur dengan emas dan perak menampakkan keringkam berbeza daripada benang yang biasa. Pita logam ini perlu digunakan dan dijaga dengan rapi supaya tidak mudah patah dan tidak bergulung kerana pita logam ini amat sensitif.

### 3.2 Kain

Kain yang digunakan untuk menyulam ialah kain rubia dan kain belacu. Kain rubia merupakan kain yang digunakan untuk menyulam motif ataupun corak sulaman. Manakala, kain belacu merupakan kain kedua yang digunakan sebagai kain penghubung. Kain belacu akan dijahit pada kain rubia dan akan diregangkan pada pemedang. Pada zaman yang serba moden sekarang, terdapat jenis kain yang berbeza turut digunakan antaranya kain chiffon, dan kain organza tetapi hasil motif tidak sehalus motif yang telah dihasilkan di atas kain yang khas iaitu kain rubia. (Amirul Shazlie, 2018)

Kain sulaman keringkam ini dikenali sebagai selayah ataupun tudung. Selayah merupakan tudung yang bersaiz kecil segi empat yang hanya menutup bahagian kepala sahaja. Dan selendang pula merujuk kepada tudung yang bersaiz panjang dan menutup kepala dan bahagian belakang pemakai keringkam tersebut.

Menurut Suhana Sarkawi dan Norhayati Ab.Rahman (2014) dan Norhasliyana Hazlin et.al (2017) keringkam dapat dibezakan melalui bentuk keringkam tersendiri. Penggunaan sulaman keringkam ini hanya digunakan pada majlis yang penting sahaja sebagai contoh majlis perkahwinan.

### 3.3 Jarum

Hanya satu jenis jarum yang digunakan untuk menyulam sulaman keringkam ini. Jarum yang digunakan ialah jarum pipih. Jarum pipih hanya berlubang dua dan bukan seperti jarum yang biasa. Untuk memasukkan keringkam ke dalam jarum pipih ini, perlulah dimasukkan ke dalam dua lubang tersebut. Setelah dimasukkan ke dalam dua lubang tersebut

digunakan untuk keringkam akan disangkut dan diselitkan beberapa kali untuk memastikan benang tidak terlepas semasa menyulam.

### 3.4 Peming

Peming merupakan satu peralatan yang penting untuk menyulam. Peming merupakan kayu yang digunakan untuk meregangkan kain. Ini kerana, sewaktu menyulam kain perlu ditegangkan untuk memudahkan membilang ataupun mengira urat kain kerana tanpa peming ini kain tidak akan meregang dengan baik dan menyulitkan proses penyulaman.

### 4.0 Motif sulaman keringkam

Berdasarkan Norhasliyana Hazlin (2017) , orang dahulu menerapkan unsur flora dan fauna dalam seni pembuatan sulaman dan di olah semula dijadikan abstrak. Terdapat 22 motif ataupun corak iaitu, bunga ros, bunga ros *melelat*, bunga cengkih, bunga tanjung, bunga kudup, bunga pedada, bunga terantai, daun, kenanga bergantung, daun setangkai yang bersulur, kacang-kacang atau motif kekacang, bintang, gigi yu, kerang *atau cabik pucuk rebung*, gunung beranak, tampuk manggis, lipan, tali air bersilang, lada *tumpah*, *palak lalat* dan pelayang.

Tetapi, motif bunga ros merupakan motif yang paling popular di dalam kalangan wanita Melayu Sarawak dan merupakan motif paling asas antara kesemua motif yang ada. Motif bunga ros melambangkan kesucian, dan kecantikan dalam hidup masyarakat wanita melayu. Bunga ros ini terlihat ayu dan menarik seperti seorang wanita yang sedang mengayakan tudung keringkam sewaktu hari perkahwinan. Terdapat dua sifat bunga ros iaitu dari segi warna dan luaran dan dalaman. Luaran bunga ros yang berduri dan amat sukar dipetik mencerminkan kesucian seorang wanita dan hanya lelaki yang berani sahaja yang mampu mematahkan duri untuk memetik bunga tersebut.

Bunga ros juga merupakan motif yang paling senang untuk dihasilkan dan tidak rumit. Kos untuk membuat motif sulaman keringkam bunga ros ini tidak memakan kos yang sangat besar kerana ia hanya motif yang asas. (Amirul Shazlie, 2018)

## 5.0 Proses sulaman keringkam

Pada permulaan untuk membuat sulaman ini, penyulam perlu menyediakan kain dasar ataupun kain rubia. Setelah itu, kain rubia tersebut akan dipotong mengikut ukuran yang dikehendaki dan akan menarik sehelai urat benang kain bagi memastikan kain sulaman itu lurus dan selari. Jika kain sulaman tidak lurus dan selari akan memberi kesan kepada hasil sulaman.

Urat benang akan ditarik di empat-empat penjuru kain dan benang tadi yang akan menghasilkan segi empat tempat. Setelah selesai pada proses menarik dan menyediakan kain. Kain yang hendak disulam tersebut hendaklah dicuci terlebih dahulu untuk membuang kanji kain. Kain ini perlu dicuci terlebih dahulu kerana selepas menyulam keringkam ke atas kain tersebut, ianya tidak boleh dicuci kerana akan merosakkan sulaman. Selepas kain tersebut kering, proses menjahit telinga kain akan dilakukan. Telinga kain ini merujuk kepada penghubung kain ataupun kain belacu. Kain belacu ini dijadikan sebagai kain penghubung apabila diregangkan ia tahan dan tidak mudah koyak seperti kain yang biasa.

Apabila selesai menjahit telinga kain tersebut, anak kayu akan dimasukkan. Anak kayu ini adalah kayu yang kecil dan dimasukkan ke dalam telinga kayu untuk diregangkan kepada pemidang. Proses tali air akan dimulakan. Tali air merupakan asas untuk sehelai keringkam yang membentuknya menjadi segi empat. Selepas selesai menyulam tali air, proses menyulam gunung ataupun pucuk rebung akan dilakukan.

Setelah selesai proses tali air dan menyulam pucuk rebung tersebut, penyulam akan beralih kepada menyulam bunga sudut. Selepas bunga sudut selesai, barulah berpindah kepada mengukur tabur bunga kerana proses mengukur tabur bunga ini amat penting untuk melihat ketepatan menabur bunga sulaman di atas kain rubia. Encik Amirul, biasanya akan mengukur dari tengah dan ke bawah dan dibahagi kepada dua. Setelah selesai proses menyulam ini, akan diteruskan kepada proses *edging* ataupun mengulas. Ini bermaksud proses mengulas ini akan bermula pada penghujung gunung dan akan memasukkan benang ulas. Setelah selesai proses mengulas, kain lebihan akan dipotong dan dibakar penghujung lilin untuk mendapatkan kekemasan pada kain sulaman tersebut.

Encik Amirul, menyatakan bahawa penyulam yang lama ataupun adiguru sulaman keringkam hanya menggunakan proses *freehand* ataupun bebas sahaja untuk menyulam motif di atas kain rubia. Maksud *freehand*, ialah penyulam tidak melukis motif ke atas kain sebaliknya mereka akan terus menyulam dan hanya mengira tali air dan boleh menghasilkan bunga motif yang dikehendaki.

## 6.0 Warna

Sulaman keringkam ini amat popular dengan warna merah dan hitam. Menurut Encik Amirul, keringkam yang lama mempunyai banyak warna seperti merah, hitam, maroon, biru, biru nila, biru diraja, hijau dan hijau lumut. Bagi orang biasa, warna yang menjadi pilihan mereka hanya warna merah. Warna merah banyak digunakan kerana untuk menaikkan seri pada sulaman keringkam tersebut. Pada zaman sekarang, terdapat juga warna yang lembut digunakan untuk membuat sulaman keringkam ini tetapi serinya tidak dapat melawan kain sulaman yang berwarna merah.

## 7.0 Penjagaan sulaman keringkam

Sulaman keringkam perlu dijaga dan dipelihara dengan rapi kerana mempunyai keunikan dan nilai estetika yang tinggi. Penjagaan sulaman perlu dititikberatkan oleh pemakai dan penyulam tersendiri. Cara untuk menyimpan sulaman tersebut ialah perlu digulung dengan sekeping kadbod dengan betul dan diikat dengan tali riben dan diletakkan di dalam kotak. Cara gulung kain sulaman hendaklah berhati-hati supaya benang keringkam tidak patah. Untuk mengelakkan kain sulaman dimakan oleh anai-anai tempat penyimpanan tersebut hendaklah diletakkan lada sulah kerana memberi bau dan kepedasan.

## Kesimpulan

Sebagai salah satu warisan negara, seni sulaman keringkam harus dititikberatkan supaya sulaman ini tidak lapuk dek zaman kerana seni sulaman ini mempunyai nilai estetika yang tinggi. Penyulam bagi sulaman keringkam ini juga harus diberikan penghargaan kerana usaha mereka untuk memperkenalkan seni warisan yang telah wujud sejak dahulu lagi.



Pendedahan yang meluas harus diberikan terutamanya kepada golongan remaja dan pelapis yang baharu supaya mereka boleh mendekatkan lagi dan mendapat pengetahuan tentang kesenian yang ada pada negara.

### Rujukan

Amirul Shazlei Yusuf, ( 2018, Oktober, 21). Temubual

Norhasliyana Hazlin binti Zainal Amri, Hamdzun Haron & Abdul Latif Samian (2017).

*Fungsi Kelingkan dalam Masyarakat Melayu*. Prosiding Seminar Antarabangsa ke-6 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu.

Rose Dahlina Rusli, Norwani Hj.Nawawi & Rafeah Legion, (2015). *The Uniqueness of The Malay*

*Traditional Embroidery: Kelingkan*. Jurnal i-Cader. Fakulti Senilukis dan Seni Reka. Selangor: Universiti Teknologi Mara. 6.

Suhana Sarkawi & Norhayati Abd. Rahaman (2014). *Selayah Keringkam dan Selayah Manto:*

*Sulam Budaya Melayu Sarawak (Malaysia) dan Melayu Daik (Indonesia)*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Kecemerlangan Melayu UMKL. Anjuran *Akademi Pengajian Melayu*, Pusat Kajian Universiti Malaya. Petaling Jaya, 2 -3 Disember.